

Headline	Panel solar jimatkan bil elektrik RM2.1 juta		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	02 Sep 2021	Readership	467,988
Circulation	155,996	Page No	18
Section	Negara	Journalist	N/A
ArticleSize	197 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 15,336		



## Panel solar jimatkan bil elektrik RM2.1 juta

**IPOH** – Sebanyak RM2.1 juta penggunaan bil elektrik dapat dijimatkan dalam tempoh 21 tahun menerusi pemasangan bumbung panel solar di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perak di sini.

Pemasangan panel solar itu adalah kerjasama yang dimeraihi antara Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syari'at GSPARX pada 23 Mac lalu,

Datuk Bandar Ipoh, Datuk Rumaizi Baharin berkata, pemasangan panel solar fotovoltaik (PV) di bangunan UTC Perak telah siap sepenuhnya pada hujung Julai lalu.

Menurutnya, projek itu di-

anggarkan mampu menjimatkan RM47,964 bil elektrik pada tahun pertama projek.

“Ia bertepatan dengan usaha MBI untuk mencapai matlamat menjadi bandar raya pintar lestari dan rendah karbon yang lebih bersih, hijau dan lebih maju,” katanya selepas melintas panel solar berkenaan di bangunan UTC di sini.

Hadir sama Ketua Retail TNB Negeri Perak, Ir. Mohd. Azhar Abd. Rashid.

Kata Rumaizi, MBI kini juga berada pada landasan untuk menjadikan Ipoh sebagai bandar raya pintar dan rendah karbon keempat negara menjelang tahun 2030.



BANGUNAN UTC Perak terletak di Jalan Dato' Onn Jaafar, Ipoh.